

ISU TEMPAT TINGGAL DAN PERANCANGAN DASAR WARGA TUA NEGARA

Rajwani Mohd Zain
Fuziah Shaffie

PENGENALAN

Warga tua atau warga emas merupakan golongan yang menjadi salah satu kumpulan sasaran bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) dalam menyediakan perkhidmatan sama ada dari segi bantuan penjagaan, kewangan dan sebagainya. Warga tua adalah sebahagian daripada ahli keluarga, masyarakat dan negara. Golongan ini diakui mempunyai banyak pengalaman dan kemahiran dan telah banyak membuat bakti dan berjasa kepada keluarga, masyarakat dan negara. Warga tua tidak boleh dianggap sebagai beban kerana mereka juga mempunyai maruah diri dan perlu diberikan perhatian oleh semua pihak yang terlibat dalam perancangan dasar dan dalam memenuhi keperluan kehidupan mereka.

KONSEP WARGA TUA

Apabila menyebut tentang warga tua, terdapat perbezaan tafsiran bergantung kepada pemahaman individu masing-masing, dan tafsiran tentang bila tibanya zaman tua bergantung kepada dengan siapa perkara itu dibincangkan (Mc Kanzie; 1982). Zaman tua seseorang itu tidak terletak pada usia tetapi berdasarkan tanda-tanda yang didapati seperti perubahan fizikal, kemampuan berfikir yang menurun, peranan sosial yang mula berkurangan, keadaan kesihatan yang mula merosot, perubahan psikologi dan juga sikap. Sigelman dan Shaffer (1995) menganggap warga tua ialah mereka yang berusia 65 tahun ke atas kerana bagi yang berumur 45 hingga 65 tahun, mereka masih dikategorikan dalam peringkat akhir dewasa. Sementara itu, Grace (1992), pula dalam kajiannya mengkategorikan zaman tua kepada empat peringkat iaitu:

- (i) Warga tua pada peringkat awal (*The young old*) iaitu berumur 60 hingga 69 tahun. Pada peringkat ini, individu tersebut mesti mengadaptasikan

peranan baru dalam masyarakat dan dalam waktu ini mereka telah kehilangan tenaga, daya kreativiti dan mula hilang rasa kebebasan atau memerlukan kebergantungan (Harvighust, 1972).

- (ii) Warga tua pada peringkat pertengahan (*The middle age old*) berumur antara 70 hingga 79 tahun. Dalam usia sebegini seseorang itu mula mengalami pelbagai jenis penyakit dan mula berasa kehilangan terutama teman untuk bergantung (suami dan isteri).
- (iii) Warga tua pada peringkat lewat (*The old-old*) berumur antara 80 hingga 89 tahun. Mereka memerlukan pertolongan atau bantuan daripada orang lain seperti untuk mendapatkan perkhidmatan di hospital, agensi kebajikan dan sebagainya. Burnside (1979) menjelaskan peringkat ini menandakan individu itu akan beransur-ansur menuju proses untuk kehilangan memori mereka.
- (iv) Warga tua pada peringkat sangat lewat (*The very old-old*) iaitu berumur antara 90 hingga 99 tahun atau ke atas. Walaupun peringkat ini merupakan peringkat yang terakhir, tetapi pada peringkat ini juga manusia akan berasa bebas daripada segala-galanya, dan tidak perlu lagi memikirkan tentang bebanan kerja atau tanggungjawab sama ada dalam bidang pekerjaan atau untuk keluarga.

Bagi negara Amerika Syarikat perkataan *ageism* lazimnya adalah untuk menggambarkan sikap prejudis dalam usia yang sedang meningkat dewasa (Butler, 1969 dalam Sigelman & Shaffer, 1995), dan perlu menghormati golongan lain serta dianggap kumpulan bawahan. Kajian Butler (1987), dalam Sigelman & Shaffer, 1995 selanjutnya mendapati warga Amerika tidak mempercayai apa yang dikatakan oleh individu yang berusia melebihi 30 tahun. Manakala bagi Kart (1981) dan Lewis (1982) pula, manusia harus akur bahawa kelemahan yang berlaku pada otak dan tubuh badan tidak dapat dielakkan seiring dengan usia mereka sama ada dari segi memori, intelek dan kebolehan menyelesaikan masalah. Menurut Thompson (1997), pada peringkat umur 65 tahun ke atas banyak yang cenderung menghidap penyakit dementia terutama bagi mereka yang mempunyai masalah ingatan khususnya dalam kemerosotan pemikiran abstrak dan perubahan personaliti. Warga tua selalunya akan dilabelkan sebagai *senile* (nyanyuk). Kastambaum (1977), pula mendapati 25 peratus daripada responden ingin mati sebelum tibanya hari tua kerana takut kehilangan tenaga, kawalan, fleksibel, keinginan seks, kekuatan fizikal, ingatan dan kecergasan.

SENARIO PERANGKAAN SEMASA

Menurut laporan Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara (DWTN) oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (1998) didapati bahawa bagi tahun 1995, Malaysia mempunyai enam peratus penduduk yang berusia 60 tahun ke atas. Peratusan warga tua (yang berusia 60 tahun ke atas) menjelang tahun 2020 di Malaysia dijangka akan

meningkat sehingga 9.5 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia di mana 7.3 peratus adalah yang berusia 65 tahun ke atas (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1990). Ini bermakna sebilangan besar penduduk negara ini akan menempuh kehidupan pada peringkat tua dalam beberapa tahun yang akan datang.

Nisbah warga tua yang berusia 60 tahun dan ke atas dianggarkan akan meningkat kepada lebih tujuh peratus pada tahun 2020. Keadaan ini menunjukkan golongan tua semakin menjadi satu kumpulan populasi yang jelas kelihatan pertambahannya di Malaysia kini.

Antara perkara yang menyumbang kepada peningkatan jumlah warga tua di kalangan penduduk, termasuklah kesan daripada kemajuan dalam bidang kesihatan dan perubatan. Dengan peningkatan jangka hayat, manusia hidup lebih lama. Pada masa yang sama, terdapat penurunan kadar kematian pada peringkat bayi dan kanak-kanak, oleh yang demikian lebih banyak manusia terus hidup hingga ke peringkat tua.

ISU TEMPAT TINGGAL

Setiap orang mempunyai keinginan untuk memiliki tempat tinggal yang selesa dan sempurna. Ada antara kita yang sudah mula merancang kehidupan pada hari tua atau setidak-tidaknya sudah mula memikirkan corak kediaman yang diingini. Malah ada juga yang belum mengambil sebarang tindakan, hanya membiarkan masa yang menentukannya. Walau bagaimanapun, perancangan mengikut keinginan masing-masing terutama dari segi tempat tinggal yang selesa hanya boleh dilakukan berdasarkan kemampuan untuk mencapainya. Bagi warga tua, persoalan mengenai tempat tinggal merupakan antara tugas yang penting yang perlu difikirkan oleh mereka. Kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (kini ditukarkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat) sangat mengambil berat dan memberi perhatian yang sewajarnya terhadap aspek tempat tinggal warga tua dengan penubuhan institusi dan perencanaan dasar berkaitan dengannya sama ada sudah mahupun yang sedang dilaksanakan. Perencanaan yang dilakukan oleh pihak kerajaan bagi mengelakkan wujud lebih banyak golongan yang melarat dan tinggal di tempat awam kerana ia boleh menjejaskan kesejahteraan diri sendiri terutama dari segi kesihatan dan keselamatan serta boleh menjejaskan imej negara.

Menurut Barrow (1999), yang melaporkan kajian yang dibuat oleh Toseland dan Rasch menyatakan bahawa isu tempat tinggal merupakan faktor ketiga paling penting berhubung dengan kesejahteraan hidup warga tua. Secara kebiasaannya, isu tempat tinggal tidak timbul selagi pasangannya masih hidup atau masih tinggal bersama kerana mereka akan terus menetap di tempat tinggal yang sedia ada. Masalah tempat tinggal timbul apabila pasangan hidupnya meninggal dunia, dan tiada anak-anak atau saudaramara yang boleh mengambil peranan atau menggantikan tugas menjaga warga tua berkenaan.

Jika ditinjau mengenai kehidupan masyarakat tradisional, keluarga ialah satu unit yang besar atau lebih dikenali sebagai keluarga luas (*extended family*). Dalam bentuk keluarga luas terdapat sokongan dan sikap bantu-membantu sesama ahli keluarga dalam mengendalikan tugas atau aktiviti seharian. Keluarga luas mengandungi datuk/nenek, ibu bapa, anak-anak, saudara-mara, ipar dan lain-lain daripada beberapa generasi kebanyakannya tinggal di bawah satu bumbung ataupun berdekatan antara satu sama lain. Pada masa ini, masalah tempat tinggal tidak timbul kerana memang sudah lama menjadi amalan masyarakat yang mengambil berat dan membantu ahli keluarga, saudara-mara, jiran dan sahabat handai.

Walau bagaimanapun, dengan adanya program pembangunan yang pesat dan kemajuan dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, pendidikan dan sebagainya menyebabkan berlaku perubahan dalam bentuk kehidupan berkeluarga. Corak tempat tinggal di mana beberapa generasi hidup bersama-sama sebagai sebuah isi rumah semakin kurang diamalkan. Perasaan hormat-menghormati dan kasih sayang antara ahli keluarga sudah kian berkurangan. Antara puncanya, adalah disebabkan pertambahan kadar migrasi di kalangan kumpulan berusia muda. Mengikut Kandiah (1990), pada tahun 1980 daripada kesemua isi rumah di Malaysia, 55 peratus adalah terdiri daripada keluarga asas (*nuclear family*) sementara 28 peratus adalah terdiri daripada keluarga luas (*extended family*). Keluarga asas mengandungi jumlah ahli keluarga yang agak terhad, lazimnya terdiri daripada ibu, ayah, dan anak-anak kebiasaannya yang belum berkahwin dan tinggal bersama-sama. Ini bermakna bahawa bentuk keluarga besar menjadi keluarga kecil dan semakin berkurangan. Corak kehidupan begini semakin menjadi bentuk keluarga yang kerap kelihatan khasnya di kawasan bandar.

Kebanyakan warga tua kini menghabiskan hari tua mereka bersama pasangan hidup masing-masing. Ada di kalangan mereka yang tinggal secara bersendirian di rumah sendiri. Selain itu, terdapat juga di kalangan warga tua yang bernasib baik mempunyai anak-anak dan saudara-mara yang sanggup menjaga mereka sama ada tinggal di rumah sendiri atau dengan anak-anak.

Mengikut amalan budaya timur dan berlandaskan ajaran agama Islam, tanggungjawab menjaga orang tua sebenarnya terletak di tangan anak-anak, ahli keluarga atau saudara-mara. Orang tua seharusnya dihargai dan dihormati. Amalan menghantar warga tua ke institusi atau rumah orang tua dianggap kurang wajar dan tidak popular di kalangan masyarakat Melayu khususnya. Masyarakat akan memberikan persepsi yang agak negatif kepada anak-anak yang sanggup menghantar ibu bapa mereka ke institusi kebajikan.

Namun, ada di kalangan warga tua yang memilih untuk tinggal ataupun 'terpaksa' tinggal secara berkelompok di institusi yang dikelolakan oleh badan atau organisasi tertentu sama ada pihak kerajaan ataupun swasta, contohnya seperti di Rumah Seri Kenangan (RSK), di Rumah Orang Tua Tanpa Waris dan di Rumah Sejahtera dan

sebagainya. Mengenai warga tua yang tinggal di institusi kebajikan, sehingga tahun 1999, terdapat lebih kurang 2200 orang warga tua tinggal di sembilan buah RSK yang ada di seluruh negara. RSK merupakan salah satu agensi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia yang menyediakan khidmat penempatan dan penjagaan kepada warga tua secara sepenuh masa. Golongan tua ditempatkan di RSK berikutan ketiadaan penjaga sama ada tiada ahli keluarga atau ketidakmampuan ahli keluarga untuk menjaga. Proses kemasukan warga tua ke Rumah Seri Kenangan adalah melalui permohonan dan melalui perintah mahkamah. Melalui permohonan memasuki ke institusi, lazimnya keputusan dibuat oleh ahli keluarga, rakan-rakan dan atas kehendak orang tua itu sendiri.

Satu corak tempat tinggal bagi warga tua yang lazim terdapat di negeri Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Perak dan Perlis ialah institusi pondok. Negeri Kelantan dan Kedah merupakan negeri yang mempunyai institusi pondok paling banyak. Keputusan untuk tinggal di pondok dibuat secara sukarela dan dengan itu ia merupakan satu pilihan bagi warga tua untuk meneruskan kehidupan mereka (Salma & Fuziah, 1998). Corak kehidupan seharian bagi penghuni di pondok adalah tertumpu kepada pengajian agama. Walau bagaimanapun, tugas atau aktiviti untuk keperluan hidup seharian tetap dilaksanakan, sama ada mereka hidup bersendirian ataupun bersama-sama pasangan hidup. Oleh kerana kebanyakan daripada mereka ini telah berhijrah daripada tempat tinggal asal mereka, berbagai-bagai penyesuaian perlu ditempuhi. Penyesuaian yang perlu dilakukan adalah berhubung dengan tempat kediaman itu sendiri secara fizikal, interaksi sosial dengan penghuni lain. Selain itu, penyesuaian juga perlu dari segi emosi untuk menyesuaikan diri dengan bentuk kehidupan yang baru dan yang agak berbeza dengan apa yang dialami sebelum ini.

Seperti yang dibincangkan di atas, pada masa dahulu, isu tempat tinggal tidak begitu ketara kerana warga tua lazimnya tinggal dengan anak atau saudara-mara yang tinggal berhampiran. Namun persoalannya sejauh manakah keluarga atau saudara-mara mampu menjaga orang tua sehingga ke akhir hayat mereka? Tambahan pula masih terdapat ahli keluarga dan saudara-mara sendiri yang sengaja ingin lari daripada tanggungjawab untuk menjaga ibu bapa masing-masing dengan pelbagai alasan tersendiri. Apatah lagi dengan kerenah orang tua yang kadangkala sukar difahami oleh golongan muda. Senario ini berlaku ekoran daripada tanggapan negatif yang diberikan kepada warga tua, antaranya menganggap bahawa warga tua sebagai golongan yang tidak berguna.

Tinggal dengan anak-anak tidak menjamin penjagaan yang sempurna disediakan, begitu juga dengan tinggal secara bersendirian yang menimbulkan masalah yang lain pula. Jika tinggal dengan anak, warga tua terpaksa menyesuaikan diri dengan menantu, cucu dan mungkin peraturan baru keluarga berkenaan yang sama sekali berbeza dengan keadaan sebelumnya. Kadangkala segala pandangan atau nasihat warga tua sebagai 'orang lama' yang berpengalaman dan 'lebih dahulu makan garam' sukar untuk diterima oleh anak-anak.

TINJAUAN KAJIAN LEPAS

Kajian telah dijalankan oleh Tengku Aizan dan Julaini (1998), di pondok bagi mendapat gambaran kesejahteraan hidup di kalangan warga tua yang berumur 55 tahun ke atas menunjukkan bahawa antara faktor yang mempengaruhi kesejahteraan hidup orang tua ialah penglibatan sosial dan konsep sendiri. Secara purata responden mempunyai tahap kesejahteraan hidup yang tinggi dan berpuas hati dengan kehidupan mereka di pondok.

Kajian yang hampir sama dijalankan oleh Salma dan Fuziah (1995) terhadap warga tua berusia 60 tahun mendapati bahawa walaupun terdapat pelbagai kekurangan dari segi kemudahan fizikal, corak tempat tinggal di pondok boleh menjadi satu alternatif tempat tinggal untuk warga tua. Hasil kajian mencadangkan, beberapa perkara perlu diberikan perhatian oleh pihak yang bertanggungjawab untuk mewujudkan satu corak tempat tinggal yang sesuai dengan keperluan dan keinginan warga tua. Antaranya ialah konsep sama umur (*segregated*) mengasingkan orang tua daripada kumpulan umur lain ataupun bercampur umur; kedudukan kawasan tempat tinggal yang terasing (*isolated*) atau menjadikannya sebahagian daripada komuniti; rumah kediaman yang berasingan ataupun jenis komunal; peluang untuk bersendirian (*privacy*); komponen aktiviti bercorak keagamaan dan kemasyarakatan; penyediaan khidmat sokongan yang terancang, jagaan dari segi kesihatan/perubatan dan makan-minum; dan juga penyediaan kemudahan asas.

Kajian yang dijalankan di institusi oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (Utusan Malaysia, 1999) pula mendapati bahawa kelemahan pasangan anak-anak memberi jagaan sempurna menjadi salah satu faktor warga tua memilih untuk tinggal di institusi kebajikan. Warga tua enggan tinggal di rumah sendiri kerana mereka tidak selesa dan berasa diri diabaikan. Walaupun institusi tidak menyediakan kemudahan seperti keadaan di rumah sendiri, golongan ini didapati berasa gembira dan selesa tinggal di situ kerana bebas bergerak dan bercampur gaul dengan rakan-rakan senasib. Tinggal di rumah menjadikan pergerakan mereka agak terbatas, sering ditegur oleh anak menantu, malah kadangkala bergaduh dengan cucu pula, walaupun dalam soal yang remeh-temeh. Daripada kajian juga, warga tua didapati memerlukan perhatian, kasih sayang, tempat tinggal, persekitaran dan makan minum seperti golongan lain (Jabatan Kebajikan Masyarakat 1998).

PERANCANGAN DASAR KERAJAAN

Kerajaan berhasrat untuk mewujudkan sebuah negara maju selaras dengan cabaran yang terkandung dalam Wawasan 2020. Mengikuti cabaran yang ketujuh iaitu:

“membentuk sebuah masyarakat berbudi dan berbudaya penyayang, sebuah sistem sosial yang lebih mementingkan masyarakat daripada diri

sendiri, dengan kebajikan rakyat tidak diasaskan kepada negara mahupun individu tetapi kepada sistem kekeluargaan yang kukuh lagi mantap”.

Negara maju seperti yang diimpikan oleh Malaysia adalah mengikut acuannya sendiri, bukannya seperti negara lain yang maju dari sudut ekonomi tetapi lemah dari segi nilai moral dan sebagainya. Negara acuan Malaysia berdasarkan Wawasan 2020 perlu menangani cabaran keruntuhan akhlak, nilai moral dan kerohanian serta cabaran sosiobudaya daripada faktor dalaman seperti ras yang berbeza, agama yang berbagai-bagai dan budaya yang berlainan. Pembentukan sebuah sistem sosial yang lebih mementingkan masyarakat daripada diri sendiri boleh membentuk sebuah masyarakat yang berbudi dan berbudaya penyayang (Abd Main Salimon, 1998). Justeru, tanggungjawab menjaga dan menyediakan kemudahan untuk kesejahteraan mental dan fizikal warga tua wajar dihayati dan dilaksanakan oleh semua pihak untuk mencapai sebuah negara maju seperti yang diharapkan.

Menyedari akan hakikat tersebut Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Malaysia (KPNPM) telah menggubal satu dasar yang dapat membela dan mengangkat martabat warga tua melalui Dasar Warga Tua Negara (DWTN). Dasar ini telah dibentang dan diterima oleh Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 25 Oktober 1995 dan diumumkan secara rasmi kepada umum pada 29 Oktober 1995 oleh Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sempena sambutan Hari Warga Tua peringkat kebangsaan. Antara objektif dasar ini adalah untuk meningkatkan kehormatan diri warga tua, memajukan potensi warga tua serta menyediakan kemudahan tertentu mengikut keperluan. Selain itu, dasar ini juga mempunyai lima strategi iaitu:

- (i) Kehormatan dan martabat diri
- (ii) Keupayaan berdikari
- (iii) Penyertaan
- (iv) Penjagaan dan perlindungan
- (v) Penyelidikan dan pembangunan

Untuk memastikan dasar ini berjaya, agensi-agensi yang berkenaan digesa untuk melakukan usaha bersepadu dan menyeluruh serta melaksanakan 22 pelan tindakan bagi dasar ini iaitu:

- (i) Pendidikan
- (ii) Pekerjaan
- (iii) Penyertaan dalam masyarakat
- (iv) Riadah
- (v) Pengangkutan
- (vi) Perumahan
- (vii) Sistem sokongan bagi keluarga

- (viii) Kesihatan
- (ix) Keselamatan sosial
- (x) Media
- (xi) Penyelidikan dan pembangunan

Sehubungan itu, satu jawatankuasa teknikal dasar telah dibentuk pada bulan Julai 1996 bagi memastikan program yang dirancang dapat direalisasikan. Melalui jawatankuasa ini, beberapa jawatankuasa kecil telah ditubuhkan iaitu:

- (i) Jawatankuasa Kecil Sosial dan Rekreasi
- (ii) Jawatankuasa Kecil Kesihatan
- (iii) Jawatankuasa Kecil Pendidikan, Agama dan Latihan
- (iv) Jawatankuasa Kecil Perumahan
- (v) Jawatankuasa Kecil Penyelidikan
- (vi) Jawatankuasa Kecil Seranta (Jabatan Kebajikan Masyarakat:1998)

Pihak kerajaan, swasta dan persendirian telah menyediakan kemudahan pusat penjagaan dan perlindungan secara berinstitusi. Kepentingan institusi memang tidak dapat dinafikan boleh menangani masalah tempat tinggal warga tua. Walau bagaimanapun, perkhidmatan berinstitusi bukanlah penyelesaian masalah, malah hanya sekadar alternatif terakhir. Warga tua sebenarnya tidak mempunyai pilihan lain. Oleh sebab itulah, kebanyakan penghuni menjadikan pusat penjagaan tersebut sebagai tempat tinggal tetap mereka sehingga ke akhir hayat. Walaupun institusi tidak menyediakan kemudahan seperti keadaan di rumah sendiri, setidak-tidaknya warga tua berasa selesa, bebas bergerak dan bercampur gaul dengan rakan-rakan usia.

Walaupun bagaimanapun, setiap individu harus mula merancang kehidupan mereka pada hari tua dan memilih corak tempat tinggal mengikut 'selera' masing-masing. Setiap insan ingin memiliki tempat tinggal yang selesa dan memuaskan mengikut pandangan dan kemampuan mereka masing-masing.

PERANAN PEKERJA SOSIAL

Para pekerja sosial mempunyai tanggungjawab yang besar dalam masyarakat dan memainkan peranan penting dalam menentukan keadaan sosial golongan yang bermasalah. Profesion sebagai pekerja sosial kadang-kadang lebih digambarkan sebagai *helper* kerana mereka lebih banyak berperanan dalam membantu masyarakat yang bermasalah. Individu yang terlibat dalam bidang ini mempunyai alasan yang berbeza antaranya untuk mendapat pendedahan berkaitan masalah orang ramai, tidak pentingkan diri sendiri, ingin memperjuangkan keadilan sosial dan memperbaiki keadaan orang yang kurang bernasib baik (Brenda, 1992). Profesion sebagai pekerja sosial kebanyakannya

terlibat dalam bidang tugas yang pelbagai iaitu, tidak tertumpu dalam bidang kebajikan sahaja tetapi juga meliputi pemulihan, kesalahan jenayah, diskriminasi dan sebagainya.

Di Malaysia, kebanyakan daripada pekerja sosial yang terlibat dalam kebajikan sosial hanya berkhidmat di tempat yang telah dikhaskan sahaja dan tidak begitu meluas seperti di negara barat. Fungsi bagi badan kebajikan sebenarnya tidak terbatas tetapi menyediakan keperluan yang tidak mampu dicapai oleh institusi keluarga walaupun keperluan dan permintaan adalah tinggi (Zastrow, 1992). Menurut beliau lagi, setiap pekerja sosial memerlukan latihan dan pendedahan tentang bidang ini untuk membolehkan mereka berhadapan dengan klien. Antara kumpulan yang memerlukan khidmat pihak kebajikan ialah warga tua. Kosberg dan Harris (1980), menyatakan bahawa setiap pekerja sosial yang berhadapan dengan warga tua perlu mempunyai persepsi dan sikap yang baik terhadap mereka. Kajian yang dibuat oleh Morales dan Sheaffor (1980), mendapati empat mekanisme yang perlu ada dalam diri pekerja sosial sebelum bekerja dengan warga tua iaitu:

- (i) Pendidikan formal
- (ii) Kursus jangka pendek
- (iii) pemilihan kakitangan
- (iv) Perubahan sosial

Manakala Beulah (1989), menambah pengetahuan yang diperlukan oleh seorang pekerja sosial dapat dikategorikan kepada lima bahagian, iaitu:

- (i) Pengetahuan yang membantu untuk memahami interaksi yang kompleks dengan klien yang terlibat.
- (ii) Pengetahuan yang membantu untuk memahami individu yang tertekan kerana faktor persekitaran terhadap psikologi, sosial, fizikal dan fungsi serta individu.
- (iii) Pengetahuan yang membantu untuk memahami hubungan dua pihak iaitu, antara individu dan persekitaran sebagai hubungan yang berterusan dan proses sepanjang masa. Bandura (1977), juga menekankan aspek interaksi antara manusia dan persekitaran adalah penting.
- (iv) Pengetahuan yang membantu untuk memahami penglibatan pekerja sosial dalam penilaian (*assessment*) dan hubungan untuk membuat perancangan.
- (v) Pengetahuan yang membantu untuk memahami kaedah yang berkesan terhadap penglibatan atau campur tangan pekerja sosial dalam masalah yang dialami oleh klien.

Bagi Corey dan Marrienne (1989), pekerja sosial perlu menerima setiap nilai yang ditunjukkan oleh warga tua dan tidak menolak klien itu sebagai individu. Walau bagaimanapun, sikap yang ditunjukkan oleh warga tua, setiap pekerja sosial perlu menerimanya secara positif kerana penerimaan terhadap warga tua merupakan sebagai

salah satu prinsip asas dalam khidmat sosial (Plant, 1970 dalam Morales & Sheaffor, 1980). Manakala bagi Biesteck (1957) (dalam Morales & Sheaffor, 1980) penerimaan terhadap klien (warga tua) adalah perlu untuk membantu klien membina kekuatan diri mereka dan membolehkan mereka membina potensi diri.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa warga tua sebenarnya merupakan golongan yang perlu dihargai dan diberi perhatian berdasarkan pengalaman dan sumbangan yang telah diberikan kepada masyarakat dan negara. Masalah tempat tinggal dan penjagaan warga tua akan menjadi isu utama yang perlu difikirkan dan wajar diberi pertimbangan utama oleh semua pihak. Pihak kerajaan sememangnya memerlukan kerjasama pihak swasta dan korporat demi melaksanakan program berkaitan untuk masa depan golongan ini. Perancangan penyediaan tempat tinggal di institusi perlu dibuat sama ada oleh pihak kerajaan atau swasta wajar diteruskan kerana ia merupakan salah satu keperluan yang perlu dipenuhi. Namun beberapa perkara perlu dinilai dan diteliti semula agar tidak menyimpang jauh daripada ciri-ciri budaya timur yang dipegang. Kerjasama pihak swasta, korporat dan individu sangat penting demi menyalurkan bantuan material dan sokongan moral bagi setiap program yang akan dilaksanakan ke arah meningkatkan mutu penyediaan tempat tinggal yang sesuai pada alaf ini. Pihak pekerja sosial juga harus berperanan menyumbangkan tenaga, di samping melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dalam bidang berkaitan. Pengalaman sahaja adalah tidak mencukupi dalam menghadapi dunia pada era globalisasi ini. Dengan adanya sokongan semua pihak, warga tua Malaysia boleh menjadi penyumbang utama dalam merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju mengikut acuan sendiri menjelang tahun 2020.

BIBLIOGRAFI

- Abd. Main, Salimon. (1998). Beberapa persoalan masalah sosial. *Jurnal Kebajikan*, 20(1).
- Atchley, R.C. (1997). *Social forces and aging: An introduction to social gerontology*. (Edisi ke-8). USA: Wadsworth Publishing Company.
- Barrow, G.M., & Hillier, S. (1999). *Aging, the individual and society*. (Edisi ke-7) St. Paul, MN: Wadsworth Publishing Company.
- Beulah, R. (1989). *Social work process*. Belmont, CA: Wadsworth
- Brenda, D. (1992). *Social work: An empowering profession*. Boston, MA: Allyn and Bacon.
- Brown, A.S. (1996). *The social processes of aging and old age*. (Edisi ke-2). New Jersey: Prentice Hall.
- Chong, P.K. (1992). Profail penuaan penduduk Malaysia. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, 15(2), 1-15.
- Corey, M. S. (1989). *Becoming a helper*. Pacific Grove, CA: Brooks/Cole.
- Day, A.T., & Day, L.H. (1993). Living arrangements and 'succesful ageing' among ever-married American White women 77-87 years of age. *Ageing and Society*, 13, 365-387.
- Duvall, E.M. (1977). *Marriage and family development*. Philadelphia: J.B. Lippincott Company.
- Grace, J.C. (1992). *Human development*. New Jersey: Prentice Hall
- Ishii-Kuntz, M. (1990). Social interaction and psychological well-being: Comparison across stages of adulthood. *International Journal of Aging and Human Development*, 30(1), 15-36.
- Kandiah, M. (1990). Ketuaan dan kesejahteraan warga tua. *Jurnal Kebajikan*, 12(2).
- Kart, C.S. (1994). *The realities of aging: An introduction to gerontology*. Boston, MA: Allyn and Bacon.
- Marsitah, Mohd Radzi, Fatan Hamamah, Yahaya & Suhana, Saad. (1999). Warga tua: Satu tinjauan terhadap aspek demografi, kesihatan dan kekeluargaan. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, 21(1), 1-23.

- Martin, L.G. (1989). Living arrangements of the elderly in Fiji, Korea, Malaysia, and the Philippines. *Demography*, 26 (4), 627-643.
- Morales, A., & Sheafor, B.W. (1980). *Social work: A profession of faces*. Boston: Allyn and Bacon.
- O'Connor, B.P. (1995). Family and friend relationships among older and younger adults: Interaction, motivation, mood & quality. *International Journal of Aging and Human Development*, 40(1), 9-29.
- Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara* (1998). Kementerian Perpaduan Masyarakat dan Pembangunan Negara.
- Peters, G.R., Hoyt, D.R., Babchuk, N., Kaiser, M., & Ijima, Y. (1987). Primary-group support systems of the aged. *Research on Aging*, 9(3), 392-416.
- Salma, Ishak & Fuziah, Shaffie. (1998). *Pondok sebagai satu pilihan tempat tinggal di kalangan orang tua*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Sheafor, M., & Bradford, W. (1991) *Life-span human development*. Pacific Grove, CA: Brooks/Cole.
- Sigelman, C.K., & Shaffer, D.R. (1995). *Life-span human development*. Pacific Grove, CA: Brooks/Cole.
- Tengku Aizan, Hamid & Julaini, Yusof. (1998). Penglibatan sosial, konsep sendiri dan kesejahteraan hidup orang tua yang tinggal di pondok. *Jurnal ANALISIS Universiti Utara Malaysia*, 5(1&2).
- Zastrow, C.H. (1992). *The practice of social work*. Pacific Grove, CA: Brooks/Cole.